

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : NASIONAL

Peningkatan kes, varian baharu COVID-19

KKM syor pelajar sekolah pakai pelitup muka **Eksklusif**

Kementerian Kesihatan (KKM) mengesyorkan pemakaian pelitup muka dilaksanakan semula di semua sekolah apabila dibuka semula pada 2 Mei ini, berikutan kebimbangan peningkatan kembali kes COVID-19 ketika sambutan Aidilfitri dan penularan varian baharu, XBB.1.16 atau Arcturus. *Oleh Sariha Mohd Ali → Nasional 2*



Penularan COVID-19

KKM syor laksana pemakaian pelitup muka di sekolah

SOP baharu dikeluarkan sebelum 2 Mei elak risiko jangkitan

*Oleh Sariha Mohd Ali
sariha@bh.com.my*

Kuala Lumpur: Kementerian Kesihatan (KKM) akan mengesyorkan pemakaian pelitup muka dilaksanakan semula di semua sekolah berikutan kebimbangan peningkatan kembali kes COVID-19, selain penularan varian baharu dikenali sebagai XBB.1.16 atau Arcturus.

Susulan itu, Menteri Kesihatan, Dr Zaliha Mustafa, berkata beliau akan mengadakan pertemuan segera dengan Menteri Pendidikan, Fadhlina Sidek, bagi membincangkan perkara itu untuk mengesahkan penularan semu-

la COVID-19 di sekolah. Beliau berkata, garis panduan berhubung prosedur operasi standard (SOP) membabitkan murid dan pelajar di sekolah akan dikeluarkan sebelum mereka memulakan persekolahan pada 2 Mei ini selepas cuti Aidilfitri.

"Saya akan bertemu Fadhlina minggu ini juga untuk membincangkan garis panduan mengapa kita perlu mengawal penularan COVID-19 di sekolah, terutama selepas adanya varian baharu Arcturus."

"SOP berhubung kawalan COVID-19 itu akan dikeluarkan sebelum pelajar kembali ke sekolah pada 2 Mei ini sebagai langkah berjaga-jaga."

"Ini penting kerana kita bimbang jika ada murid terkena jangkitan selepas bergerak ke sana sini sepanjang cuti raya yang mungkin menyebabkan COVID-19 kembali menular di seko-

lah," katanya kepada BH, semalam.

Kelmarin, Dr Zaliha mendedahkan enam kes varian baharu COVID-19 XBB.1.16 atau Arcturus dikesan di Lembah Klang, menjadikan jumlah kes dijangkiti meningkat kepada 12 setakat ini.

Daripada jumlah itu, empat kes baharu bagi varian itu dikesan di Selangor, manakala dua lagi di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, selain enam kes awal di Sarawak.

Bagaimanapun, katanya, individu yang dijangkiti Arcturus yang juga subvarian kepada Omicron itu didapati hanya mengalami gejala ringan dan dilaporkan stabil.

Dr Zaliha berkata, walaupun pihaknya mencadangkan langkah pengawalan COVID-19 dibuat di sekolah selepas cuti perayaan ini, tetapi keputusan akhir bergantung kepada Kementerian Pendi-

ARCTURUS atau XBB.1.16

Adalah sejenis subvarian di bawah famili Omicron



dikan (KPM) untuk melaksanakan atau tidak.

"Ibu bapa tidak perlu panik dengan penularan varian baharu ini, tetapi kita tetap galakkan semua pihak, termasuk pelajar terus memakai pelitup muka bagi mengesahkan penularannya."

"Jika mengalami gejala jangkitan, mereka bukan sahaja perlu memakai pelitup muka dan menjaga penjarakan, tetapi perlu melakukan pemeriksaan kesihatan dengan doktor," katanya.

Syor laksana saringan

Baru-baru ini, KKM menyarankan sektor pendidikan melakukan saringan susulan 11 daripada 18 kluster COVID-19 yang dilaporkan pada minggu epidemiologi ketujuh 2023 adalah daripada kluster pendidikan.

Bekas Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah dilaporkan berkata enam kluster itu membabitkan institusi

pendidikan KPM iaitu tiga kolej dan masing-masing satu sekolah agama menengah, sekolah berasrama penuh dan sekolah menengah, sementara lima lagi maktab dan satu taska.

Susulan itu, Fadhlina dipetik berkata, KPM masih memantau rapat perkembangan terkini dan akan mengambil tindakan susulan, termasuk mewajibkan saringan selepas mendapat nasihat KKM.

Ahad lalu, ibu negara Vietnam, Hanoi melaksanakan semula peraturan pemakaian pelitup muka di tempat awam yang sesak kepada orang awam susulan peningkatan kes jangkitan COVID-19.

Beberapa negeri di India turut mewajibkan pemakaian pelitup muka di tempat awam bagi mengesahkan penularan COVID-19 selepas sebahagian kawasan di negara itu melaporkan wabak berkenaan kembali melonjak sejak kebelakangan ini.

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : NASIONAL

Dr. Muhammad Radzi Ketua Pengarah Kesihatan baharu

Kuala Lumpur: Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Penyelidikan dan Sokongan Teknikal) Kementerian Kesihatan (KKM), Datuk Dr Muhammad Radzi Abu Hassan, dilantik sebagai Ketua Pengarah Kesihatan yang baharu, berkuat kuasa 21 April lalu.

Pelantikan Dr Muhammad Radzi sebagai Ketua Pengarah Kesihatan bagi menggantikan Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, yang bersara wajib pada tarikh sama.

Menteri Kesihatan, Dr Zaliha Mustafa, berkata pelantikan Dr Muhammad Radzi berdasarkan kelayakan dan pengalaman luasnya dalam bidang perkhidmatan kesihatan negara ini.


Sebelum menjadi Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Penyelidikan dan Sokongan Teknikal), Dr Muhammad Radzi juga pernah menjawat jawatan sebagai Ketua Jabatan Perubatan di Hospital Sultanah Bahiyah, Kedah.

"Selain itu Dr Muhammad Radzi juga pernah dilantik sebagai Ketua Penyelaras Perubatan Negeri Kedah, Ketua Pusat Penyelidikan Klinikal Kedah, Ketua Perkhidmatan Gastroenterologi dan Hepatologi serta menjadi pengerusi pentauliahan bidang kepakaran ini dari tahun 2013 hingga 2021.

"Saya yakin dengan pengalaman, pengetahuan, kepakaran serta kredibiliti Dr Radzi mampu memberikan yang terbaik dan menjadi rakan pasukan bersama saya.

"Seterusnya dapat memastikan matlamat dan agenda reformasi kesihatan negara dilaksanakan secara menyeluruh selaras dengan Kertas Putih Kesihatan yang sedang dibangunkan supaya masyarakat Malaysia MADANI dapat terus menikmati perkhidmatan kesihatan yang komprehensif, berkualiti serta mampan," katanya dalam kenyataan semalam.

Dr Muhammad
Radzi
Abu Hassan



AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 7
RUANGAN : NASIONAL

Ketagih selepas cuba vape bapa

CAP dedah ramai kanak-kanak cenderung terjebak 'vapping' ketika di rumah

Oleh Noor Atiqah Sulaiman
dan Zuhainy Zulkiffli
bhnews@bh.com.my

Georgetown: Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) mendedahkan sebilangan besar kanak-kanak mengakui tidak membeli peralatan vape atau e-rokok, sebaliknya merasa jus cecair vape bapa atau abang yang secara tidak langsung menarik minat mencubanya.

Soal selidik CAP mendapati, kanak-kanak berusia sembilan hingga 12 tahun itu mengakui mencuba vape dan e-rokok bapa ketika berada di rumah atau dalam kereta.

Pegawai Pendidikan CAP dan aktivis, NV Subbarow, berkata perkara itu didedah oleh kanak-kanak berkenaan ketika program kesedaran merokok, vape dan penggunaan e-rokok dijalankan CAP di beberapa sekolah di Pulau Pinang.

Katanya, seramai 200 daripada 300 kanak-kanak ditemui ketika program tanpa nikotin bagi kanak-kanak itu mengakui mengambil vape dua kali seminggu.

"Mereka bukan perokok dan mengaku tingkah laku itu adalah cara mula mereka mencuba vape dan e-rokok.

"Mereka mengakui adik-beradik lelaki itu mencadangkan supaya mencuba vape.

"Mereka tidak pernah menyedut rokok, tetapi kini mula menghisap vape dan daripada empat kanak-kanak, seorang adalah perempuan dan ketagih manakala di sekolah menengah, nisbahnya ialah enam yang mana dua adalah pelajar perempuan," katanya menerusi kenyataan di sini, semalam.

Subbarow berkata, 'vaping' atau menghisap vape adalah tindakan menyedut wap yang dihasilkan oleh e-rokok atau 'vaporizer' malah e-rokok juga adalah berbahaya

dan menyebabkan ketagihan.

Katanya, bapa atau abang dengan santai memberi gajet vape dan selalu mengatakan ia adalah jus buah dan tidak perlu risau 'kerana kandungan sebenar adalah nikotin'.

"Mereka menghisap vape di rumah apabila ibu bapa tiada dan bau buah itu menyebabkan ramai kanak-kanak percaya jus berkenaan dibuat daripada buah-buahan atau gula-gula.

"Sehubungan itu, CAP menggesa pentadbiran sekolah membenarkan badan bukan kerajaan (NGO) seperti CAP bertemu dengan pelajar bagi memberi kesedaran mengenai bahaya merokok, vape, e-rokok dan jus bernikotin.

"Tanpa tindakan segera, lebih ramai kanak-kanak seawal lapan tahun dan pelajar akan ketagih vape manakala kesihatan serta masa depan mereka terancam," katanya.

Menerusi laporan WHO, 16,000

Mereka bukan perokok dan mengaku tingkah laku itu adalah cara mula mereka mencuba vape dan e-rokok

NV Subbarow,
Pegawai Pendidikan CAP



Ramai kanak-kanak percaya jus vape dibuat daripada buah atau gula-gula menyebabkan mereka ingin mencuba.
(Foto hiasan)



jenis perisa vape berada di pasaran yang mengandungi bahan kimia menjejaskan kesihatan.

KKM tingkat kesedaran

Di Kuala Lumpur, Kementerian Kesihatan (KKM) menyatakan kesediaan bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan (KPM) bagi membendung masalah ketagihan penggunaan vape dalam kalangan pelajar.

Menterinya, Dr Zaliha Mustafa berkata, jalinan kerjasama itu termasuk mengadakan kempen kesedaran dan penerangan mengenai bahaya produk berkenaan khusus kepada kanak-kanak.

"KKM akan memperluaskan kempen kesedaran berkaitan isu itu dan bersedia bekerjasama dengan KPM," katanya kepada BH, semalam.

Sementara itu, kekurangan undang-undang berkaitan pemantauan cecair vape di negara ini me-

nyebabkan kandungan nikotin dalam produk berkenaan melebihi had sepatutnya dan sukar dikawal.

Pusat Pengajian Perubatan dan Kaji Hayat, Universiti Sunway memaklumkan, kebanyakan produk vape di negara ini mengandungi sehingga 22 miligram (mg) nikotin bagi setiap perisa.

Kenyataan bersama Dr Amar Daud Iskandar Abdullah dan Prof Dr Long Chiau Ming, menyatakan kekuatan maksimum yang dijual di United Kingdom dan Australia hanya dua peratus atau 20mg nikotin bagi setiap mililiter (mL) cecair.

"Berdasarkan kekuatan nikotin yang diiklan di negara ini, sebanyak 22mg nikotin terkandung dalam setiap mL isi padu tiub 60mL (kira-kira empat sudu besar) cecair vape dan ia sudah melebihi had maut," katanya dalam kenyataan.

Kurang akta punca sukar kawal kandungan nikotin

Kuala Lumpur: Kekurangan undang-undang berkaitan pemantauan cecair vape di negara ini menyebabkan kandungan nikotin dalam produk berkenaan melebihi had sepatutnya dan sukar untuk dikawal.

Pusat Pengajian Perubatan dan Kaji Hayat, Universiti Sunway memaklumkan, kebanyakan produk vape di negara ini mengandungi sehingga 22 miligram (mg) nikotin bagi setiap perisa.

Dalam kenyataan bersama yang dikeluarkan oleh Dr Amar Daud Iskandar Abdullah dan Prof Dr Long Chiau Ming, berkata kekuatan maksimum yang dijual di United Kingdom dan Australia hanya sekitar dua peratus atau 20mg nikotin bagi setiap mililiter (mL) cecair.

"Berdasarkan kekuatan nikotin yang diiklan di negara ini, terdapat sebanyak 22mg nikotin setiap mL bagi isi padu tiub 60mL (kira-kira empat sudu besar) cecair vape dan ia sudah melebihi had maut.

"Berdasarkan rujukan perubatan, had maut daripada nikotin yang ditelan oleh orang dewasa ialah antara 60mg hingga 500mg. Bagi kanak-kanak dengan berat kurang daripada 20 kilogram, pengambilan kurang daripada 1mL larutan nikotin dengan kepekatan nikotin yang tidak jelas, boleh menyebabkan kesan yang serius seperti sawan, kekeliruan, tekanan darah rendah, kesukaran bernafas dan kematian.

"Kes sedemikian pernah dilaporkan di beberapa negara dan ibu bapa telah didakwa akibat kecuaiannya," kata mereka dalam kenyataan itu.

Bahan kimia berbahaya

Mereka berkata, di negara ini cecair vape boleh didapati dengan mudah di secara dalam talian mahupun kedai runcit yang bungkusan serta reka bentuknya sering disalah anggap sebagai jus atau minuman buah-buahan.

"E-cecair yang digunakan dalam peranti vape mengandungi bahan kimia berbahaya, terma-

suk nikotin yang bukan sahaja berbahaya ketika dihidu tetapi juga apabila ditelan atau terdedah kepada kulit.

"Penting bagi ibu bapa untuk meningkatkan kesedaran anak mereka mengenai bahaya vape dan e-cecair berkenaan supaya kanak-kanak ini tidak terpedaya untuk membeli atau mencuba produk berkenaan kerana mudah menjadi ketagihan," katanya.

Mereka berkata, hanya beberapa titisan cecair vape boleh menyebabkan simptom berkaitan otak dan jantung yang ketara pada kanak-kanak.

"Jika anda mengesyaki seorang kanak-kanak termakan e-cecair secara tidak sengaja, dapatkan rawatan perubatan segera dan bawa mangsa ke hospital terdekat serta memberikan sokongan saluran pernafasan, bagi mengelakkan kegagalan pernafasan, kerana nikotin cepat diserap oleh badan sebaik sahaja tertelan.

"Mangsa mungkin mengalami

sejumlah besar muntah yang dapat membantu menghalang penyerapan nikotin selanjutnya. Jangan cuba mengubati sendiri menggunakan tablet arang yang tersedia secara komersial, kerana ini boleh melambatkan rawatan.

"Penjaga juga diingatkan untuk menunjukkan kepada doktor mengenai pembungkusan botol cecair itu, bagi mengenal pasti ramuan dan kepekatan nikotin. Penting untuk ambil perhatian tiada penawar khusus untuk merawat dos berlebihan nikotin," katanya.

Mereka berkata, botol cecair itu juga tidak mempunyai ciri ketahanan untuk kanak-kanak dan ia boleh diusik dengan mudah.

"Perokok harus memastikan pelupusan yang betul bagi peranti vape dan e-cecair terpakai untuk mengelakkannya daripada terus ke tangan kanak-kanak.

"Cecair vape yang tidak digunakan tidak boleh dibuang me-

lalui air buangan tetapi hendaklah dihantar ke farmasi terdekat dengan tong pengumpulan sisa ubat yang betul," katanya.

Mengulas lanjut, cecair itu bukan sahaja bahaya kepada kanak-kanak bahkan memberi risiko kepada wanita hamil yang terdedah kepada nikotin.

"Apabila wanita hamil terdedah kepada nikotin, sama ada melalui cecair vape atau asap, nikotin boleh diserap oleh badan, seterusnya disalurkan melalui plasenta kepada janin yang sedang berkembang.

"Nikotin boleh menyebabkan kecacatan kepada perkembangan pada janin sekiranya wanita itu terdedah semasa kehamilan kerana kandungan nikotin itu mudah dipindahkan ke janin sepanjang kehamilan dan juga boleh didapati dalam susu ibu.

"Ia seterusnya meningkatkan risiko pelbagai kecacatan kelahiran, seperti sumbing bibir dan langit serta masalah dengan perkembangan otak dan paru-paru janin," katanya.

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 12
RUANGAN : RENCANA

Tingkat pengudaraan semula jadi musim raya elak COVID-19 menular

● Menjaga pengudaraan di tempat tertutup antara langkah kawalan boleh dilaksanakan ketika beraya, selain memakai pelitup muka yang kini dilihat tidak menjadi kelaziman

● Langkah pencegahan 3W, iaitu 'wash' (sentiasa membasuh tangan), 'wear' (sentiasa memakai pelitup muka), 'warn' (sentiasa beringat) dilihat semakin dilupakan



Pegawai Pakar
Bidang di Jabatan
Keselamatan dan
Kesihatan Pekerjaan,
(JKKP), Kementerian
Sumber Manusia

Oleh Mohd Norhisyam Omar
bhrencana@bh.com.my

Sejak kerajaan melonggarkan prosedur dan kawalan penularan COVID-19 pada tahun lalu, masyarakat kembali kepada kehidupan normal dan aktiviti seharian yang menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi dan kelangsungan hidup dapat diteruskan.

COVID-19 kini dilihat bukan lagi sebagai ancaman seperti sebelum ini dengan manusia secara tidak langsung dilihat beradaptasi untuk hidup bersama virus maut ini.

Bagaimanapun, dalam laporan bulanan dikeluarkan Pertubuhan Kesihatan

Sedunia (WHO) baru-baru ini, Asia Tenggara mencatatkan peningkatan jumlah kes hampir 481 peratus, manakala wilayah Mediterranean Timur meningkat 144 peratus dalam tempoh sebulan, walaupun pada peringkat global mencatatkan penurunan dalam tempoh sama.

Justeru, COVID-19 dilihat bukan penghalang kepada manusia melakukan aktiviti seharian, termasuk ketika musim perayaan. Pendekatan digariskan Kementerian Kesihatan (KKM) seperti mengelak 3C, iaitu *crowded place* (tempat sesak), *confined space* (tempat tertutup/terkurung) dan *close conversation* (perbualan jarak dekat) dilihat berkemungkinan sukar dilaksanakan memandangkan norma harian kembali sepenuhnya kepada sedia kala.

Langkah pencegahan 3W, iaitu *wash* (sentiasa membasuh tangan), *wear* (sentiasa memakai pelitup muka), *warn* (sentiasa beringat) dilihat semakin dilupakan dengan hanya sebahagian masyarakat yang masih mengamalkannya.

Hakikat tidak dapat dinafikan, Aidilfitri adalah acara wajib perkumpulan ahli keluarga, sanak saudara, sahabat handai, rakan dan jiran tetangga.

Aidilfitri amat sinonim dengan aktiviti kunjung-mengunjung sebagai tradisi utama ketika beraya.

Aktiviti ini membawa kepada pertambahan mendadak penghuni di sesuatu kediaman, rumah atau

dewan yang menjadi tempat perkumpulan ahli keluarga, pertemuan antara tetamu dan tuan rumah.

Situasi sama juga berlaku di surau atau masjid yang menjadi tempat jemaah mengerjakan solat Aidilfitri. Pertambahan bilangan penghuni di tempat atau ruangan ini akan menyebabkan kadar pengudaraan terjejas.

Sumber tambahan, sokongan

Menjaga pengudaraan di tempat terbabit adalah antara langkah kawalan boleh dilaksanakan selain pemakaian pelitup muka yang kini dilihat tidak menjadi kelaziman rakyat. Ia satu langkah kecil tetapi dapat mengurangkan risiko jangkitan virus, terutama COVID-19.

Ruangan seperti bilik tidur, pejabat, ruang tamu atau tempat umum lazimnya menggunakan sistem penyaman udara dengan pengudaraan mekanikal atau bukan mekanikal. Bagaimanapun, masih banyak tempat bergantung kepada pengudaraan semula jadi.

Pengudaraan semula jadi adalah sumber tambahan dan sokongan kepada tempat menggunakan sistem penyaman udara dengan pengudaraan mekanikal atau bukan mekanikal. Ia bergantung kepada keadaan persekitaran luaran dengan cuaca, suhu dan pergerakan angin menjadi elemen utama dalam membantu kepada prestasi pengudaraan semula jadi.

Prinsip asas dalam meningkatkan pengudaraan semula jadi adalah dengan membuka tingkap dan pintu sekerap mungkin supaya udara segar dapat dibawa masuk ke dalam ruang berkenaan.

Pembukaan tingkap,

pintu atau apa-apa bukaan pada ruangan berkenaan juga penting untuk mewujudkan pengudaraan silang (*cross ventilation*), terutama apabila ada bukaan bertentangan antara satu sama lain.

Bagaimanapun, pembukaan tingkap dan

pintu ini perlu mengambil kira keadaan cuaca semasa, kualiti udara persekitaran dan risiko dari aspek keselamatan dan kesihatan.

Penggunaan kipas berdiri, kipas pengedar/penyebar udara dan penggunaan kipas ekzos (*exhaust fan*) juga disarankan dalam meningkatkan kecekapan pengaliran dan penggantian udara bagi sesuatu ruangan.

Terdapat banyak kajian dan analisis simulasi dijalankan menunjukkan peningkatan pengaliran pengudaraan apabila peralatan ini digunakan dengan cara dan kaedah yang betul.

Secara ringkasnya, berikut adalah antara beberapa langkah boleh menjadi panduan dalam meningkatkan pengudaraan semula jadi ketika musim perayaan ini.

Pertama adalah membuka tingkap dan pintu terutama apabila ramai tetamu berada di dalam sesuatu ruangan. Ia bergantung kepada faktor cuaca luaran, risiko keselamatan dan kesihatan serta kualiti udara persekitaran.

Lebih banyak tingkap dan pintu dibuka, peluang pengaliran pengudaraan lebih tinggi boleh terhasil melalui pewujudan pengudaraan silang.

Selain itu, penggunaan kipas berdiri, kipas pengedar/penyebar udara dan kipas ekzos amat disarankan, terutama bagi ruangan mempunyai bukaan terhad.

Kawal bahan cemar

Kawalan juga perlu dilakukan terhadap bahan cemar boleh menyumbang kepada faktor kualiti udara dalaman tidak baik. Habuk atau partikel halus perlu sentiasa dalam keadaan minimum dan dibersihkan.

Sumber seperti habuk lantai, bulu halus, terutama daripada haiwan peliharaan dan zarah luaran juga menyumbang kepada bahan cemar ini. Kehadiran tetamu juga secara tidak langsung membawa bersama habuk dan partikel dari luar masuk ke dalam rumah.

Penggunaan bahan kimia seperti pewangi dan pencuci perlu diminimumkan bagi mengurangkan pelepasan bahan mengandungi sebatian organik meruap kerana ia mungkin berbahaya kepada manusia.

Bagi panduan lebih lengkap untuk kaedah kawalan lebih menyeluruh, Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP), bersama KKM membangunkan nota panduan pengudaraan dan kualiti udara dalaman bagi empat kategori bangunan iaitu kediaman, bukan kediaman, fasiliti kesihatan dan tempat ayam.

Panduan ini dikeluarkan pada Julai 2021 untuk dijadikan rujukan masyarakat dalam meningkatkan kualiti udara dalaman dan pengudaraan.



AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 10

RUANGAN : LOKAL

OPERASI CEGAH AEDES

Jumlah kompaun JKNJ RM1.017 juta

Johor Bahru: Jabatan Kesihatan Negeri Johor (JKNJ) mengeluarkan 2,132 kompaun bernilai RM1.017 juta menèrusi operasi penguatkuasaan pembiakan nyamuk aedes yang dijalankan sejak awal tahun ini.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Perpaduan Negeri Johor Ling Tian Soon, berkata penguatkuasaan dijalankan bagi memastikan tempat pembiakan seperti di kawasan rumah dapat dimusnahkan secara berterusan oleh anggota kesihatan.

"Penemuan tempat pembiakan serta tempat berisiko pembiakan di dalam rumah, masih menunjukkan masyarakat belum peka kepada keperluan pembersihan dan pemusnahan tempat berisiko untuk pembiakan nyamuk Aedes."

"Masyarakat perlu membersihkan rumah sendiri dengan melakukan aktiviti mencari dan musnah selama 10 minit di kediaman dan tempat kerja. Ini adalah bagi memastikan tiada tempat atau bekas menaung air yang menjadi tempat pembiakan nyamuk Aedes," katanya dalam kenyataan, semalam.

Beliau berkata semua pihak perlu memainkan peranan mencegah pembiakan Aedes termasuk menggunakan ubat pembunuh jentik-jentik, membuang atau menutup bekas takungan air dan mengadakan gotong-royong secara berkala.

Ling berkata, sebanyak 152 kes demam denggi dilaporkan di Johor pada Minggu Epidemiologi ke-16 berbanding 156 kes pada minggu ke-15.

"Daripada jumlah kes denggi yang dilaporkan se-



TIAN Soon

panjang minggu itu, sebanyak 55 kes dilaporkan dari lokaliti wabak dan 97 kes dari lokaliti bukan wabak.

"Johor Bahru daerah yang mempunyai kes tertinggi iaitu sebanyak 111 kes, diikuti Kulai (13), Kluang (enam), masing-masing (lima) di Muar, Kota Tinggi dan Batu Pahat manakala Segamat, Pontian dan Tangkak masing-masing dua kes dan satu kes di Mersing," katanya.

Sementara itu, Ling berkata, sebanyak 353 kes Covid-19 dengan subvarian XBB dilaporkan di negeri ini membabitkan sembilan daerah setakat 22 April lalu.

Bagaimanapun, beliau berkata, situasi kes Covid-19 di Johor masih terkawal sekali gus menjelaskan subvarian BF.7 dan XBB 1.16 masih belum lagi dilaporkan di negeri berkenaan.

"Daerah Johor Bahru merekodkan jumlah tertinggi kes COVID-19 subvarian XBB iaitu sebanyak 200 kes."

"Seterusnya daerah Muar sejumlah 33 kes, Kulai (28 kes), Batu Pahat (23 kes), Kluang (22 kes), Kota Tinggi (20 kes), Tangkak (14 kes), Pontian (11 kes) dan Segamat (2 kes)," katanya.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NEGARA



DR. MUHAMMAD RADZI

Dr. Muhammad Radzi dilantik KP Kesihatan baharu

PUTRAJAYA - Datuk Dr. Muhammad Radzi Abu Hassan dilantik sebagai Ketua Pengarah Kesihatan baharu berkuat kuasa 21 April 2023 bagi menggantikan Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah.

Dr. Muhammad Radzi sebelum ini merupakan Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Penyelidikan dan Sokongan Teknikal) di Kementerian Kesihatan (KKM) sebelum dilantik sebagai Ketua Pengarah Kesihatan.

Menteri Kesihatan, Dr. Zaliha Mustafa berkata, pelantikan Dr. Muhammad Radzi dibuat berdasarkan kelayakan dan pengalaman luas beliau dalam bidang perkhidmatan kesihatan negara.

"Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Dr. Muhammad Radzi di atas pelantikan sebagai Ketua Pengarah Kesihatan berkuat kuasa 21 April 2023.

"Saya yakin dengan pengalaman, pengetahuan dan kepakaran serta kredibiliti Dr. Radzi mampu memberikan yang terbaik.

"Beliau juga mampu menjadi rakan pasukan bersama saya dalam memastikan matlamat dan agenda reformasi kesihatan negara dilaksanakan secara menyeluruh selaras Kertas Putih Kesihatan yang sedang dibangunkan agar masyarakat Malaysia Madani terus menikmati perkhidmatan kesihatan komprehensif, berkualiti serta mapan," katanya dalam kenyataan semalam.

Sebelum ini, Dr. Muhammad Radzi juga pernah berkhidmat sebagai Ketua Jabatan Perubatan di Hospital Sultanah Bahiyah, Kedah.

AKHBAR : KOSMO

MUKA SURAT : 11

RUANGAN : NEGARA

200 murid mengaku hisap vape milik bapa, abang di rumah

GEORGE TOWN – Kira-kira 200 kanak-kanak terdiri dalam kalangan murid sekolah rendah di Pulau Pinang mengaku menghisap vape atau e-rokok milik bapa atau abang mereka sekurang-kurangnya dua kali seminggu.

Perkara itu didedahkan Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) selepas menjalankan program tanpa nikotin untuk pelajar di lima buah sekolah iaitu tiga di sekolah rendah dan dua di sekolah menengah di negeri ini.

Pegawai Pendidikan CAP, N.V.

Subbarow berkata, jumlah kanak-kanak tersebut adalah daripada 300 peserta yang mengikuti program yang diadakan sejak dua bulan lalu.

Menurutnya, sebilangan besar kanak-kanak telah mengakui yang mereka tidak membeli sebarang alatan vape, namun tertarik akan jus cecair vape terutama berperisa buah-buahan yang ditinggalkan di rumah atau di dalam kereta.

"Hasil temu bual mendapati, kanak-kanak berusia 9 hingga

12 mengakui kerap mencuba vape milik bapa dan abang yang menggunakan produk ini di rumah serta ketika memandu.

"Bapa dan abang ini dengan santai memberikan gajet vape mereka kepada anak-anak yang duduk di sebelah (dalam kereta), di rumah atau semasa keluar.

"Apabila menawarkan vape, mereka (kanak-kanak) ini selalu mengatakan ia adalah jus buah, jadi tidak perlu risau apabila kandungan sebenar adalah nikotin," katanya dalam satu kenya-

taan di sini semalam.

Lebih membimbangkan, jelas Subbarow, kanak-kanak tersebut juga mendakwa yang adik-beradik mereka itu ada mencadangkan untuk mencuba vape meskipun pada mulanya ditolak.

"Mereka menghisap vape setiap dua kali seminggu apabila ibu bapa tiada di rumah. Kerana bau buah, ramai kanak-kanak mengakui bahawa mereka percaya bahawa jus itu diperbuat daripada buah-buahan atau gula.

"Semasa program CAP, kanak-kanak dan pelajar perempuan juga didapati tertarik dengan budaya vape. Daripada empat kanak-kanak, seorang perempuan didapati ketagih.

"Di sekolah menengah, nisbahnya adalah enam berbanding dua bagi pelajar perempuan," ujarnya.

Beliau memberitahu, tindakan yang dilakukan golongan bapa dan abang kanak-kanak tersebut adalah satu kesalahan dan penderaan.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 8
RUANGAN : NASIONAL

'Saja cuba-cuba vape bapa, abang'

CAP dedah 200 daripada 300 kanak-kanak akui hisap vape sekurang-kurangnya dua minggu sekali

Oleh SYAJARATULHUDA
MOHAMAD ROSLI
GEORGETOWN

Ramai kanak-kanak yang berusia lingkungan sembilan hingga 12 tahun didapati telah mencuba vape dan e-rokok milik bapa atau abang mereka di rumah atau di dalam kereta.

Vaping atau menghisap vape adalah tindakan menyedut wap yang dihasilkan oleh e-rokok atau vaporizer.

Pegawai Pendidikan Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP), NV Subbarow berkata, perkara itu diakui sendiri oleh sebilangan kanak-kanak tersebut ketika program kesedaran merokok, vape dan penggunaan e-rokok yang dijalankan CAP di beberapa buah sekolah rendah serta menengah di Pulau Pinang.

Menurutnya, perkara itu amat mengejutkan kerana 200 daripada 300 kanak-kanak yang ditemui pada program berkenaan mengakui menghisap vape sekurang-kurangnya dua minggu sekali.

"Ketika program kesedaran tanpa nikotin yang dijalankan baru-baru ini, kanak-kanak yang ditemui mengakui mereka mencuba vape dan e-rokok kepunyaan bapa atau abang di rumah dan juga di dalam kereta.

"Mereka ini bukan perokok tegar, sebaliknya mereka mengaku ia cuba-cuba

saja. Lebih mengecewakan, kanak-kanak berkenaan mendedahkan bahawa ada saudara atau adik beradik lelaki mereka yang mencadangkan supaya mencuba vape.

"Walaupun mereka menolak, mereka seolah-olah diminta untuk mencuba dan akhirnya tewas," katanya dalam satu kenyataan pada Selasa.

Subbarow menambah, soal selidik oleh CAP mendapati bapa dan abang kepada kanak-kanak berkenaan kerap menggunakan produk berkenaan di rumah atau semasa memandu.

"Kanak-kanak dan pelajar yang ditemui mengakui mereka tahu bahaya vape tetapi masih ingin mencubanya. Ini kerana, bapa atau abang dengan santai memberi gajet vape kepada mereka yang duduk di tempat duduk penumpang serta di rumah.

"Apabila menawarkan vape, mereka selalu mengatakan ia hanyalah jus buah dan tidak perlu risau sedangkan kandungan sebenar adalah nikotin. Mereka berani mencuba di rumah ketika ketiadaan ibu bapa kerana percaya bahawa ia dibuat daripada buah-buahan atau gula-gula," jelasnya.

Kata beliau, kanak-kanak yang telah mencuba kini mula ketagih untuk menghisap vape.

"Sebelum ini, kanak-kanak ini tidak pernah menyentuh rokok tetapi kini mula menghisap vape. Hasil soal selidik yang dibuat, daripada empat kanak-kanak, seorang daripadanya adalah perempuan dan telah ketagih.

"Serhentara soal selidik di sekolah menengah pula, enam pelajar telah mula

menghisap vape, dengan dua daripadanya ialah pelajar perempuan. Perkara ini amat membimbangkan sekiranya tidak dibendung dari sekarang," dedahnya.

Oleh itu, beliau menggesa pentadbiran sekolah membenarkan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) seperti CAP bertemu dengan pelajar bagi memberi kesedaran mengenai bahaya merokok, vape, e-rokok dan jus yang mengandungi nikotin.

"Perkara ini perlu diberi perhatian dan kita bimbang jika tiada tindakan segera diambil, lebih ramai kanak-kanak seawal lapan tahun dan pelajar sekolah menengah akan mengalami ketagihan vape.

